

08 FEB, 2025

## Unjuran harga arang batu, gas pengaruhi tarif elektrik

Berita Harian, Malaysia



### Sidang Dewan Rakyat

# Unjuran harga arang batu, gas pengaruhi tarif elektrik

**TPM perjas rasional di sebalik hasrat TNB menaikkan caj**

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
 bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Komponen terbesar dalam pengiraan tarif elektrik ialah unjuran harga bahan api, iaitu arang batu dan gas untuk penjaan elektrik.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata kenaikan harga bahan api di peringkat global dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini menjadikan unjuran bagi tempoh Regulatori Keempat 2025 - 2027 lebih tinggi supaya mencerminkan harga bahan api sebenar pada masa ini.

“Unjuran harga bahan api arang batu dan gas jauh lebih rendah semasa penetapan kadar purata tarif asas elektrik bagi tempoh Regulatori Ketiga, iaitu

pada 2022 hingga 2024 yang mengakibatkan pelarasan surcaj tarif elektrik di bawah kaedah Ketidakseimbangan Pelepasan Kos Bahan Api (ICPT) menjadi amat tinggi.

“Oleh itu, penetapan unjuran baharu bagi tempoh Regulatori Keempat 2025 -2027 akan merapatkan lagi jurang harga bahan api semasa supaya pelarasan ICPT yang disemak setiap enam bulan dapat dikawal dengan lebih cekap dan berkesan,” katanya dalam jawapan bertulis di Parlimen.

Beliau menjawab soalan Datuk Abdul Khalib Abdullah (PN-Rompin) yang mahu kerajaan menyatukan rasional di sebalik hasrat Tenaga Nasional Berhad (TNB) menaikkan tarif elektrik.



Fadillah Yusof

#### Lebih kompetitif

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, cadangan jadual tarif baharu yang dilaksanakan bermula 1 Julai ini akan mencerminkan kos pembekalan elektrik sebenar yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

Selain itu katanya, kerajaan sudah menyediakan dana RM5.96 bilion untuk meneruskan pemberian subsidi secara bersasar bagi 85 pengguna domestik di Semenanjung dan mereka kekal dilindungi daripada kenaikan tarif elektrik



kepada dalam tempoh berkenaan.

“Kementerian melalui Suruhanjaya Tenaga sudah melaksanakan libat urus bersama penggiat industri dan ahli perniagaan pada 13 Januari dan 5 Februari lalu mengenai perkara ini.

“Pembabitan penggiat industri dan ahli perniagaan penting bagi memastikan kepentingan semua pihak diambil kira.

“Kementerian akan memperhalusi pandangan diberi untuk dijadikan input bagi penetapan jadual tarif baharu kelak supaya

semua pengguna, terutama pihak industri lebih bersedia dengan perubahan itu dan menggunakan elektrik dengan lebih cekap pada masa akan datang,” katanya.

Fadillah berkata, pengumuman berhubung penetapan tarif elektrik di Semenanjung akan dikeluarkan secara rasmi oleh kerajaan.

Beliau turut memberi jaminan penetapan tarif elektrik di Semenanjung mengambil kira semua aspek termasuk kebajikan dan kesejahteraan rakyat.